

Timbalan Mufti ketuai cerapan rasmi Hilal Zulhijjah

Penentuan awal bulan Islam dijalankan tiga tempat di Selangor iaitu di Bukit Jugra, Bukit Malawati dan Pulau Arang.

■ NURUL FIRDAUS KHAIRI

BUKITJUGRA-Jawatankuasa Rukyah Negeri kelmarin membuat cerapan rasmi Hilal Zulhijjah di Baitulhilal di sini bagi menentukan tarikh Hari Raya Aidiadha.

Cerapan bagi melihat anak bulan itu diketuai Timbalan Mufti Selangor, Datuk Abdul Majid Omar.

Selepas membuat cerapan itu, beliau membuat

panggilan terus ke Pejabat Mohor Besar Diraja untuk memaklumkan hasil pemerhatian anak bulan.

Mereka kemudiannya bersolat Maghrib secara berjemaah.

Menurutnya, bacaan yassin, tahlil dan taklimat turut diadakan terhadap orang ramai yang turut menyaksikan majlis cerapan itu bagi menjelaskan kaedah untuk menentukan awal bulan Islam.

Sementara itu Ahli Jawatankuasa Rukyah Negeri, Rizal Ramli berkata, di Selangor penentuan awal bulan Islam dijalankan tiga tempat iaitu di sini dan dua tempat lain iaitu Bukit Malawati dan

Pulau Arang.

Katanya, penentuan awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah di negara ini berdasarkan kaedah hisab dan rukyah.

"Faktor fizikal meliputi sifat-sifat fizikal bulan, matahari dan atmosfera tempatan manakala faktor kemanusiaan dan pengalaman ahli rukyah, termasuk menggunakan peralatan dan tekniknya serta keupayaan mata dan psikologi pencerapan diambil kira," katanya.

**Aktifkan
Komuniti Anda**



Abdul Majid Omar membuat cerapan untuk melihat anak bulan di Bukit Jugra kelmarin.
(Gambar kecil) Abdul Majid Omar.